


POTOSTAT TIDAK DIBENARKAN

Bahagian Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

THESIS

Tajuk : PENEMPATAN KAUM MENDAILING DI PERAK TENGAH-
HUBUNGAN DI ANTARA KEHIDUPAN SOSIAL,
SENIBINA DAN PERANCANGANNYA.



Kajian Akhir (Final Studies) ini dihantar kepada
Jabatan Senibina Institut Teknologi MARA sebagai
sebahagian daripada syarat untuk mendapatkan
Diploma Senibina.

Disediakan oleh :

HAMASTURA BT. MAHAYUDDIN
Diploma Senibina Tahun Akhir
Institut Teknologi MARA
Shah Alam, Selangor.
1985 / 86

82282812

FOTOSTAT TIDAK DIBENARKAN


Perkhidmatan Pembaca & Rujukan
Perpustakaan Tun Abdul Razak
Institut Teknologi MARA
Shah Alam
Selangor.

THESIS

Ini adalah disahkan bahawa Kajian Akhir ini telah
dibaca dan disemak oleh :

Encik Abdul Ghani Mohd. Desa - Penyelia
- Penyelaras

Saya berpuas hati dan bersetuju dalam skop dan nilai
Kajian Akhir ini untuk penganugerahan Diploma
Senibina Institut Teknologi MARA.



(Abdul Ghani Mohd. Desa)
Penyelia

()
Penyelaras

SENARAI ISI KANDUNGAN

| | | |
|------|---|------|
| 0.01 | Tajuk Kajian | i |
| 0.02 | Senarai Isi Kandungan | ii |
| 0.03 | Senarai Illustrasi | vi |
| 0.04 | Penghargaan | viii |
| 1.00 | Pengenalan | |
| 1.10 | Pendahuluan | 1 |
| 1.20 | Objektif Kajian | 5 |
| 1.30 | Skop Kajian | 8 |
| 1.40 | Metadologi Kajian | 11 |
| 2.00 | Kaum Mendailing Secara AM | |
| 2.10 | Asal Usul Mendailing | 17 |
| 2.20 | Penempatan Kaum Mendailing di Nusantara | 20 |
| 2.30 | Penghijrahan Kaum Mendailing ke Tanah Melayu | 25 |
| 2.40 | Pengaruh, Peranan dan Matlamat Suku Kaum Mendailing | 28 |

3.00 CIRI-CIRI PENEMPATAN KAUM MENDAILING SECARA AM

| | | |
|------|--|----|
| 3.10 | Latar Belakang dan Konsep Kewujudannya | 34 |
| 3.20 | Aspek-aspek Perancangan, Sosial dan Komuniti | 36 |
| 3.30 | Ciri-ciri Senibina Mendailing Secara Am | 39 |

4.00 PENEMPATAN KAUM MENDAILING DI PERAK TENGAH

| | | |
|------|--|----|
| 4.10 | Perancangan, Sosial dan Komuniti | 41 |
| 4.20 | Tatatur Perancangan Dalam Membentuk Komuniti | 43 |
| 4.30 | Aspek Pentadbiran dan Perkembangan | 46 |

5.00 SENIBINA KAUM MENDAILING DI PERAK TENGAH

| | | |
|------|--|----|
| 5.10 | Ciri-ciri Utama Dalam Senibina Mendailing Tempatan | 48 |
| 5.20 | Contoh-contoh Utama Senibina Mendailing : | 53 |
| | i) Unit-unit kediaman | |
| | ii) Kediaman di Raja | |

| | | |
|------|---|-----|
| 5.30 | Hubungan Asas Kepribadian Senibina Mendailing Dengan Komuniti | 77 |
| 6.00 | KEBUDAYAAN, ADAT-ISTIADAT SERTA KEPERCAYAAN KAUM MENDAILING PERAK TENGAH | |
| 6.10 | Kebudayaan | 80 |
| | i) Hubungan dalam kekeluargaan | |
| | ii) Hubungan dalam komuniti | |
| 6.20 | Adat-Istiadat | 87 |
| | i) Istiadat perkahwinan | |
| 6.30 | Kepercayaan | 96 |
| | i) Istiadat memanggil semangat | |
| 7.00 | PERBANDINGAN ANTARA PENEMPATAN MENDAILING PERAK TENGAH DENGAN MENDAILING INDONESIA | |
| 7.10 | Dari Aspek Perancangan, Sosial dan Komuniti | 99 |
| 7.20 | Dari Aspek Senibina | 101 |
| 7.30 | Dari Aspek Adat-Istiadat dan Kepercayaan | 107 |

SENARAI ILLUSTRASI

| GAMBAR | HALAMAN |
|---|---------|
| 1. Susunan Kerja | 4 |
| 2. Program Minggu Kajiselidik | 16 |
| 3. Peta Sumatera | 21 |
| 4. Susunatur Perkampungan Mendailing di Tanah Mendailing | 38 |
| 5. Susunatur Perkampungan Mendailing di Perak Tengah | 45 |
| 6. Pelan Rumah Lebai Rahman | 54 |
| 7. Rumah Puan Siti Hajar | 56 |
| 8. Rumah Puan Siti Hajar - Para | 56 |
| 9. Bahagian Bumbung Rumah | 57 |
| 10. Ruang Dalam Rumah | 57 |
| 11. Kolong | 59 |
| 12. Bahagian Jejalur | 59 |
| 13. Rumah Pusaka Daerah Pusing | 62 |

| | | |
|-----|--|----|
| 14. | Bahagian Dapur Rumah | 62 |
| 15. | Rumah 'Cik Jah' | 63 |
| 16. | Peta Daerah Pusing & Batu Gajah | 64 |
| 17. | Rumah Raja Bilah | 67 |
| 18. | Rumah Raja Bilah - Tembok | 67 |
| 19. | Rumah Raja Bilah - Tabir tingkap | 69 |
| 20. | Rumah Raja Bilah - Tingkap | 69 |
| 21. | Rumah Raja Bilah - Dapur | 70 |
| 22. | Rumah Raja Bilah - Tangga | 70 |
| 23. | Rumah Raja Bilah - Pangkin | 72 |
| 24. | Rumah Raja Bilah - Pintu | 72 |
| 25. | Rumah Raja Bilah - Jambatan Bertangga | 73 |
| 26. | Bumbung Masjid Papan | 75 |
| 27. | Persekitaran Kawasan Masjid | 75 |
| 28. | Rumah Mendailing Batu Gajah | 76 |
| 29. | Ukiran 'Tingkap | 76 |

PENGHARGAAN

Sebagaimana yang telah dimaklumkan, Kajian Terakhir yang telah dipersembahkan ini banyak bergantung kepada penerangan-penerangan serta temuramah-temuramah yang dijalankan sepanjang kajiselidik ini.

Oleh itu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat terutama kepada penduduk-penduduk perkampungan Mendailing di daerah Papan, Pusing dan Batu Gajah.

Juga saya mengucapkan terima kasih kepada Encik Abdul Ghani Mohd. Desa di atas dorongan serta tunjuk ajar beliau sebagai penyelaras Kajian Terakhir ini.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada lain-lain jabatan yang terlibat serta kedua ibu-bapa dan kawan-kawan yang telah banyak memberi dorongan kepada saya.

1.

1.10 PENDAHULUAN

Kajiselidik ini dibuat sebagai satu proses pembelajaran dalam pengkhususan matapelajaran sejarah senibina. Ia merupakan satu kajian ilmiah yang mengambil masa lapan bulan.

Tajuk yang dipilih iaitu 'Penempatan Kaum Mendailing di Perak Tengah' bukan sahaja menceritakan mengenai perancangan serta senibina perkampungan, malah ia juga menyentuh aspek budaya dan sosial.

Kawasan Perak Tengah dipilih sebagai kawasan kajian kerana kebanyakan daripada suku kaum ini tertumpu di sini. Ini adalah disebabkan oleh kehadiran beberapa orang raja keturunan Mendailing yang pernah berkhidmat di bawah Raja Perak. Berikutan dengan itu ramailah orang-orang Mendailing menetap di kawasan ini untuk mendapatkan perlindungan dari raja mereka.

Kehadiran orang-orang Mendailing dalam masyarakat Perak tidak dititikberatkan sedangkan mereka juga merupakan salah satu jumlah suku kaum yang teramai di Perak, khususnya Perak Tengah. Kewujudan mereka ini dilupakan begitu sahaja dan didapati bahawa sebilangan besar masyarakat Perak masih tidak memahami konsep sosio-budaya dan perancangan komuniti suku kaum Mendailing.

Juga tercatat di dalam sejarah Perak bahawa kaum Mendailing ini terlibat di dalam pemerintahan salasilah beraja negeri Perak. Besar kemungkinan, penglibatan raja-raja Mendailing di dalam pemerintahan negeri Perak dapat menempatkan suku kaum ini sebagai salah satu golongan penduduk awal Perak.

Kajian ilmiah ini merupakan pandangan seseorang pereka bentuk, oleh itu ia lebih banyak tertumpu kepada aspek-aspek senibina, perancangan, sosial, sistem pembinaan dan

serta kebudayaan dan kepercayaan yang mempengaruhi fakta-fakta tersebut.

1.20 OBJEKTIF KAJIAN

Usaha serta minat yang ditunjukkan akan membawa kepada satu hasil yang produktif. Melalui sumber-sumber yang di kumpulkan dengan daya usaha sendiri, kajian ini dapat di lakukan secara terperinci dan benar-benar bernas. Bagi mencapai matlamat ini pengajian melalui pengamatan dan penyelidikan dilakukan agar dapat memberi manifestasi serta kehendak yang dirancangkan.

Kajian ini akan merupakan rujukan kepada pelajar-pelajar lain dan juga orang-orang awam sekiranya memerlukan pengetahuan mengenai ciri-ciri suku kaum ini. Pendekata, melalui kajian ini ciri-ciri kaum Mendailing direkodkan untuk kegunaan umum. Secara tidak langsung pendedahan yang diberikan ini dapat memenuhi kehendak-kehendak pembelajaran dalam memahami identiti senibina orang-orang Mendailing. Di kalangan masyarakat Perak orang-orang Mendailing juga dikenali juga sebagai orang-orang 'mendatang'.

Wujudnya sesuatu yang bersejarah atau bahan peringatan, maka pada dasarnya ia mempunyai sesuatu 'memorial' yang berlaku dalam sesebuah masyarakat. Seterusnya berkemungkinan adanya perkara yang membabitkan masyarakat tersebut samada pengaruh, peristiwa, suatu proses kejadian dan sebagainya. Oleh itu dalam pembelajaran ini adalah perlu untuk mencari asas-asas memorial dalam masyarakat yang mewujudkan persejarahan.

Persejarahan mengenai suku kaum ini telah diketepikan sekiranya dibandingkan dengan persejarahan suku kaum lain. Ramai di antara generasi baru kaum Mendailing tidak mengambil berat mengenai sejarah tersebut, oleh itu perlu lah ada usaha untuk merekodkan ciri-ciri identitinya.

Melalui pengkajian ini, penemuan masalah-masalah berkaitan dengan tajuk tidak dapat dihindarkan. Rumusan-rumusan dan cadangan-cadangan yang dibuat akan sedikit sebanyak

menyumbangkan penyelesaian yang dihadapi oleh suku kaum ini dari aspek-aspek sosio-budaya, senibina dan perancangan komuniti.

Senibina dan perancangan perkampungan kaum Mendailing mempunyai ciri-ciri keunikan yang tersendiri; rupa bentuk senibinanya, tatasusun perancangannya dalam suatu komuniti perkampungan perlu dikaji, diperbaiki jikalau perlu untuk menyesuaikan dengan keadaan masa tanpa menjejaskan identiti.

1.30 SKOP KAJIAN

Walaupun terdapat ramai kaum Mendailing di Pahang, Johor dan Perak, namun orang-orang Mendailing Peraklah yang masih mengamalkan kebudayaan serta adat istiadat fahaman Mendailingnya.

Daerah-daerah perkampungan Mendailing di Perak Tengah termasuklah sekitar daerah Pusing, Papan dan Batu Gajah. Kawasan-kawasan ini mempunyai banyak pengaruh Mendailing disebabkan kedudukannya yang strategik dan berhampiran dengan penempatan raja-raja Mendailing yang berhijrah dari Tanah Besar Mendailing ke Tanah Melayu pada pertengahan abad ke 18.

Secara keseluruhannya kajian ini akan menitikberatkan tentang aspek-aspek persejarahan, konsep kewujudan, perancangan penempatan, pengaruh senibina dan kehidupan sosial masyarakat Mendailing di kawasan-kawasan tersebut.

Ianya juga akan menerangkan dengan lebih lanjut lagi keadaan atau aspek-aspek senibina unit-unit kediaman suku kaum Mendailing di Perak Tengah ini. Ini termasuklah rekabentuk, perancangan, seniukir dan unsur-unsur yang mempengaruhi nilai senibina tersebut. Kajian ini juga meliputi konsep dan falsafah yang dipraktikkan oleh suku kaum tersebut di dalam merekabentuk rumah-rumah mereka. Ini merupakan asas yang begitu bernilai ketika membicarakan sesebuah kediaman kaum Mendailing.

Kajian ini juga meliputi tatasusun perancangan sesuatu komuniti perkampungan Mendailing. Hubungan ciri-cirinya dengan faktor-faktor penempatan juga akan dikaji selidik.

Selain daripada itu, kajian ini juga akan membentangkan istilah 'perkampungan suku kaum Mendailing' di Perak Tengah dibandingkan dengan 'perkampungan Mendailing di Sumatera' dan juga perkampungan suku-suku lain di Perak,

khususnya suku Perak 'jati'.

Di samping itu, kajian ini juga akan menekankan aspek-aspek kebudayaan Mendailing yang berhubungrapat dengan ciri-ciri senibinanya. Ini termasuklah pantang larang serta adat istiadat yang dipegang teguh oleh suku kaum ini.

1.40 METADOLOGI KAJIAN

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu setelah enam peringkat dijalankan. Keenam-enam peringkat ini termasuklah :

- a) Menentukan objektif, peranan dan matlamat yang dimainkan oleh suku kaum Mendailing di Perak Tengah.
- b) Lawatan ke kawasan-kawasan kajian serta pernyataan masalah.
- c) Kajian terperinci di dalam aspek-aspek perancangan penempatan, senibina dan sosio-budaya.
- d) Kajian terperinci.
- e) Kesimpulan
- f) Langkah-langkah yang perlu diambil.

BAHAGIAN 1

1. Menentukan objektif, peranan dan matlamat yang dimainkan oleh suku kaum Mendailing di Perak Tengah.

Langkah yang pertama ialah menentukan aspek-aspek tersebut di atas melalui :

- i) sebab-sebab kedatangan
- ii) pengaruh-pengaruh penempatan ataupun perkampungan

Berdasarkan kepada langkah-langkah tersebut, proses seterusnya adalah menilai aspek-aspek ini melalui temuramah-temuramah dengan jabatan-jabatan yang berkaitan dan juga daripada buku-buku dan majalah-majalah yang berhubungrapat dengan tajuk ini.

2. Lawatan ke kawasan-kawasan kajian serta pernyataan masalah.

Langkah kedua dalam kajian ilmiah ini adalah melakukan lawatan ke kawasan-kawasan kajian untuk mengkaji aspek-aspek tersebut. Ini termasuklah :

- i) dari aspek perancangan perkampungan itu sendiri.
- ii) dari aspek senibina dan sosio-budaya.
- iii) masalah-masalah perancangan yang dihadapi.

3. Berdasarkan kajian-kajian yang dinyatakan di atas, langkah seterusnya adalah mengkaji dengan lebih terperinci mengenai aspek-aspek tersebut. Ini termasuklah penilaian terperinci terhadap konsep, falsafah serta pengaruh yang terdapat di dalamnya. Penilaian terperinci ini termasuklah dari segi

- i) susunatur perkampungan
- ii) perancangan di dalam unit kediaman
- iii) pembinaan unit-unit kediaman

iv) adat istiadat serta pantang larang

- 4) Kajian perbandingan terhadap perancangan, senibina dan sosio-budaya orang-orang Mendailing di Perak Tengah dibandingkan dengan masyarakat di Tanah Mendailing, Sumatera.

Di antara ciri-ciri yang ditekankan termasuklah :

- i) perancangan penempatan
- ii) unit-unit kediaman
- iii) adat istiadat serta pantang larang

Ini dilakukan melalui bahan-bahan rujukan dan juga temubual dengan penduduk-penduduk kampung.

BAHAGIAN 2

- 5) Setelah kajian dilakukan, maka dibuat kesimpulan melaluinya. Kesimpulan ini berdasarkan kepada pengamatan serta pendapat si penulis mengenai tajuk yang dipilih.

- 6) Selepas itu penulis hendaklah menyediakan langkah-langkah yang perlu diambil di dalam mengatasi masalah-masalah yang timbul. Langkah-langkah ini meliputi semua aspek yang disebutkan di atas tadi.

2.